

Khamis – 17 Disember 2020

Halaman : 12

Lelaki minum racun rumput selepas cekik isteri stabil

KOTA BHARU – Seorang lelaki Orang Asli suku kaum Temiar yang meminum racun rumput Ahad lalu, selepas bertindak di luar batasan sehingga mencekik isterinya sampai mati dilaporkan berada dalam keadaan stabil.

Pemangku Ketua Polis Daerah Gua Musang, Deputi Superintendent Sik Phoon Soo berkata, suspek yang berusia 40 tahun itu kini sedang menerima rawatan di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai.

Menurutnya, lelaki tersebut kini direman selama seminggu

bermula Isnin hingga Ahad ini bertindak meminum racun rumput kerana mahu membunuh

diri.

“Selain itu, kita turut merampas bekas yang digunakan untuk

mengisi racun rumput yang diminum suspek ketika cuba membunuh diri.

“Siasatan lanjut masih dijalankan untuk mengetahui motif sebenar kejadian itu,” katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Mengulas lanjut, Phoon Soo berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Kesejahteraan kerana membunuh.

Akhbar Kosmo! semalam melaporkan, suspek bertindak mencekik isterinya sampai mati hanya kerana mempercayai fitnah bahawa pasangannya itu

mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain di Kampung Liak, Pos Brooke di Gua Musang pada Ahad lalu.

Dalam kejadian pukul 10 malam itu, mangsa, Huda Sudin, 38, yang merupakan ibu kepada lima anak meninggal dunia di lokasi kejadian.

Sementara itu, Ketua Polis Kelantan, Deputi Komisioner Datuk Shafien Mamat berkata, selepas kejadian itu, suspek yang cuba membunuh diri dengan meminum racun rumput, namun sempat diselamatkan.



KERATAN Kosmo! 16 Disember 2020.